

U 8495 AAB

MAHATHIR - PENUNTUT

1984

OLEH AHMAD REJAL ARBEE.

KAHERAH, 15 DIS. (BERNAMA) -- DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD BERKATA BAHAWA KERAJAAN BERKATA-CXTA MEMBEKALKAN GENERASI MUDA DENGAN PENGETAHUAN, PENGALAMAN DAN KELENGKAPAN UNTUK MENTADBIR NEGARA DENGAN CEKAP SUPAYA NEGARA AKAN TERUS MAJU DAN BERTAMBAH KUKUH. ITULAH SEBABNYA PELAJARAN YANG DISEDIAKAN KEPADA MEREKA MERANGKUMI SEGALA BIDANG PENGETAHUAN SEPERTI SAINS, PERUBATAN DAN KEJURUTERAAN SERTA JUGA PELAJARAN AGAMA.

BERUCAP KEPADA KIRA-KIRA 700 ORANG PENUNTUT MALAYSIA DIDAWAN ASRAMA BARU ABBASIAH DISINI MALAM TADI, PERDANA MENTERI BERKATA KERAJAAN INGIN MELIHAT GENERASI YANG AKAN MEWARISI NEGARA NANTI TERDIRI DARIPADA MEREKA YANG MEMPUNYAI PELAJARAN MENYELURUH.

PENGETAHUAN IMAN SAHAJA BELUM CUKUP UNTUK MELENGKAPI MEREKA MENGHADAPI CABARAN MEMIMPXN NEGARA, KATANYA.

BELIAU JUGA MENERANGKAN BETAPA PENTINGNYA PERPADUAN WUJUD DI KALANGAN RAKYAT, KHUSUSNYA UMAT ISLAM. -- LAGI
1357MST 15 12 04

D055

U 8496 AAB

MAHATHIR - PENUNTUT 2 KAHERAH

KERAJAAN AKAN TERUS BERUSAHA UNTUK MENGEKALKAN PERPADUAN WALAUPUN ADA ORANG YANG CUBA MENYEKAT KEWUJUDANNYA.

BELIAU MEMBERI PENGAKUAN BAHAWA KERAJAAN AKAN MEMBERI SEGALA PERTOLONGAN YANG BOLEH KEPADA PELAJAR-PELAGAR MALAYSIA DI LUAR NEGERI. WALAUBAGAIMANA PUN IA TIDAK AKAN DAPAT MEMENUHS SEGALA PERMINTAAN KERANA KINI TERDAPAT 58,000 ORANG PENUNTUT MALAYSIA DI LUAR NEGERI.

MENGENAI PENGIKTIRAFAN IJAZAH, BELIAU BERKATA PERKARA ITU SEDANG DIKAJI DAN BELIAU YAKIN KEPUTUSAN ITU KHUSUSNYA MENGENAI BEBERAPA KURSUS DIALAZHAR AKAN DIPUTUSKAN TIDAK BERAPA LAMA LAGI.

PERDANA MENTERI JUGA TELAH MENYEBUT TENTANG SATU MASALAH YANG TELAH TIMBUL DSKALANGAN MAHASISWA DI KAHERAH BERIKUTAN DENGAN MAHASISWA DARI SESEBUAH NEGERI DYTEMPATKAN DI ASRAMA KEPUNYAAN KERAJAAN NEGERI ITU.

INI TELAH MENYEBABKAN MAHASISWA DARI SESEBUAH NEGERI ITU HANYA BERCAMPUR GAUL DENGAN MAHASISWA NEGERINYA DAN TELAH MENYEBABKAN KURANGNYA PERGAULAN DENGAN PELAJAR NEGERI LAIN. -- LAGS
1403MST 15 12 84

D058

U B497 AAB

MAHATHIR - PENUNTUT 3 KAHERAH

DATUK SERI DR MAHATHIR MENCADANGKAN KERAJAAN-KERAJAAN NEGERI MENINJAU KEMUNGKINAN MEMBENARKAN PELAJAR-PELAJA NEGERI-NEGERI LAIN TINGGAL DI ASRAMA MEREKA SUPAYA PELAJAR-PELAJAR ITU AKAN LEBIH BERCAMPUR GAUL ANTARA SATU SAMA LAIN.

BELIAU JUGA TELAH MENERANGKAN TENTANG KESBMF DENGAN PANJANG LEBAR DAN MEMBERI TAHU KENAPA SURUH ANJAYA DI RAJA TIDAK DAPAT DIADAKAN.

JAWATANKUASA MENYXASAT KESITU TELAH PUN MENGEMUKAKAN TIGA LAPORAN, PERTAMA MENGENAI KEDUDUKAN KEWANGAN DAN YANG KEDUA DAN KETIGATENTANG ADANYA BEBERAPA ORANG TERTENTU TERLIBAT DENGAN MEMBERI PINJAMAN ITU TANPA IZIN.

+ TINDAKAN AKAN DIAMBIL KEATAS MEREKA SETELAH POLIS SELESAI MENJALANKAN PENYIASATAN, + KATANYA.

DISAMPING ITU BANK BUMI PUTRA SEDANG BERUSAHA UNTUK MENDAPATKAN BALIK SEBAHAGIAN DARIPADA WANG \$2,000 JUTA YANG DIPINJAMKAN ITU DAN TERDAPAT KEMUNGKINAN IANYA AKAN BERJAYA.

DATUK SERI DR MAHATHIR PAGI INI TELAH MELAWAT KILANG MEMBUAT KAPAL TERBANG DI HELWAN SEBELUM BERTOLAK KE BAMAKO, MALI. --
BERNAMA.